

MENENTUSAHKAN FAKTOR TEKANAN KERJA GURU SEKOLAH  
MENENGAH GRED A DAERAH BATU PAHAT

NURUL SHAFINAZ BT HALIM

Projek Sarjana ini dikemukakan  
sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI 2013

## ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tekanan kerja guru yang mengajar di kawasan bandar dan sekolah tersebut dikategorikan sebagai sekolah gred A. Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah yang terletak di bandar dalam Daerah Batu Pahat iaitu Sekolah Menengah Datin Onn, Sekolah Menengah Dato' Bentara Luar dan Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Sulaiman. Kajian ini mengesahkan sama ada konstruk yang dihasilkan merupakan faktor tekanan kerja guru sekolah berkenaan. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti apakah faktor paling dominan yang menyebabkan tekanan kerja guru dan seterusnya melihat impak dimensi terhadap responden berdasarkan faktor yang dikaji. Dalam menentukan konstruk, *Classic Theory Test (CTT)* dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis dokumen dengan membuat kupasan kajian literatur. Analisis faktor model Rasch dengan menggunakan Analisis Komponen Utama pada residual digunakan dalam kajian ini bagi memastikan dan mengesahkan konstruk atau faktor. Berdasarkan dapatan analisis dokumen, konstruk bagi faktor tekanan kerja yang dikenal pasti adalah (i) Beban kerja (ii) Kekangan Masa dan Sumber (iii) Disiplin pelajar (iv) Perhubungan Interpersonel dan (v) Keperluan Penghargaan. Melalui analisis faktor yang dijalankan pula, mendapati kesemua faktor yang dihasilkan telah menepati kriteria yang ditetapkan oleh model Rasch iaitu peratusan varians mentah dijelaskan oleh pengukuran (*raw variance explained by measure*) melebihi daripada 40%, peratus varians tidak dijelaskan dalam kontras pertama (*first contrast unexplained variance*) adalah kurang daripada 10%, dan nilai eigen kontras pertama (*first contrast eigenvalue*) juga kurang daripada 3.0. Hal ini membuktikan dan mengesahkan bahawa keseluruhan konstruk adalah bersifat unidimensi dan mampu mengukur apa yang hendak diukur. Faktor yang paling dominan adalah faktor disiplin pelajar dan terdapat perbezaan persepsi responden dari aspek jantina, umur dan tempoh bekerja terhadap konstruk atau faktor yang dikaji.



## ABSTRACT

This study was undertaken to identify the factors that influence job stress among teachers in urban areas are categorized as grade A school. The study was conducted in three schools located in the town of Sekolah Menengah Datin Onn, Sekolah Menengah Dato' Bentara Luar dan Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Sulaiman. This study was confirms whether constructs produced a teachers' job stress factors. In addition, this study also identifies the most dominant factors that cause work stress and, hence, impact-dimensional view of the respondent based on the factors above. In determining constructs, Classic Test Theory (CTT) using qualitative methods through the analysis of documents by making a literature review analysis. Rasch model factor analysis using Principal Component Analysis on the residual used in this study to ascertain and verify the constructs or factors. Based on the findings of the document analysis, constructs for work stress factors identified were (i) the volume of work (ii) Time and Resource Constraints (iii) student discipline (iv) interpersonal relations and (v) Appreciation. Through factor analysis was conducted, found that all the factors that are produced have to meet the criteria set by the Rasch model raw percentage of variance explained by measurement (raw variance explained by measure) more than 40%, the percentage of explained variance in the first contrast (contrast first unexplained variance) is less than 10%, and the eigenvalues of the first contrast (contrast first eigenvalue) is also less than 3.0. This proves and confirms that the entire construct is unidimensi nature and are able to measure what is to be measured. The most dominant factor is the factor of student discipline and the perceptions of respondents in terms of gender, age and teaching experience against constructs or factors studied.



**SENARAI LAMPIRAN**

- A Senarai Pakar Rujuk Bagi Kesahan Soal Selidik
- B Konstruk Pembinaan Item Soal Selidik
- C Borang Soal Selidik Kajian Rintis
- D Borang Soal Selidik Kajian Sebenar
- E Analisis Kajian Sebenar
- F Jadual Krejcie Morgan
- G Perancangan Carta Gantt Projek
- H Surat Kebenaran Menjalankan Kajian



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI SINGKATAN**

WHO	-	Pertubuhan Kesihatan Sedunia
CFI	-	<i>Comparative of fit index</i>
TLI	-	<i>Tucker Lewis Index</i>
PCA	-	<i>Principal Component Analysis</i>
GAS	-	<i>General Adaptation Syndrome</i>
GLM	-	General Linear Model
BK	-	Beban kerja
KM	-	Kekurangan masa dan sumber
DP	-	Disiplin pelajar
PI	-	Perhubungan interpersonal
KP	-	Keperluan penghargaan
MNSQ	-	<i>Mean Square</i>
CTT		<i>Classic Test Theory</i>
IRT		<i>Item Response Theory</i>



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI RAJAH**

1.1	Kerangka teori	11
1.2	Kerangka konsep	12
2.1	Model Tekanan Kerja Guru	19
2.2	Model Tekanan Kerja Guru	20
3.1	Prosedur melaksanakan kajian	35
3.2	Skala logit	48
3.3	Perbandingan nilai <i>mean measure</i> antara faktor merujuk <i>variable map</i>	65



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI JADUAL

3.1	Pembahagian dan taburan bilangan item	37
3.2	Skala Likert 5 mata	38
3.3	Kebolehpercayaan item dan indeks pengasingan	40
3.4	Kebolehpercayaan responden dan indeks pengasingan	41
3.5	Nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach	42
3.6	Polariti item	43
3.7	Kesesuaian item ( <i>Item fit</i> )	45
3.8	Kolerasi residual terpiawai item	46
3.9	Kaedah penganalisan data	48
3.10	Tafsiran purata skor min	48
3.11	Pendekatan yang digunakan dalam kajian	49
4.1	Jantina	52
4.2	Umur	52
4.3	Bangsa	53
4.4	Tempoh bekerja	53
4.5	Perbandingan konstruk tekanan kerja guru berdasarkan kajian	55
4.6	Analisis komponen utama bagi konstruk beban kerja	56
4.7	Analisis komponen utama bagi konstruk kekangan masa dan sumber	57
4.8	Analisis komponen utama bagi konstruk disiplin pelajar	57
4.9	Analisis komponen utama bagi konstruk hubungan interpersonal	58
4.10	Analisis komponen utama bagi konstruk keperluan penghargaan	58
4.11	Analisis min bagi faktor beban kerja	59



4.12	Analisis min bagi faktor kekangan masa dan sumber	60
4.13	Analisis min bagi faktor disiplin pelajar	61
4.14	Analisis min bagi faktor hubungan interpersonal	62
4.15	Analisis min bagi faktor keperluan penghargaan	63
4.16	Ringkasan <i>mean measure</i> bagi kelima-lima faktor	64
4.17	Tahap persetujuan responden terhadap faktor beban kerja	67
4.18	Tahap persetujuan responden terhadap faktor kekangan masa dan sumber	68
4.19	Tahap persetujuan responden terhadap faktor disiplin pelajar	69
4.20	Tahap persetujuan responden terhadap faktor perhubungan interpersonal	70
4.21	Tahap persetujuan responden terhadap keperluan penghargaan	71
4.22	Perbezaan di antara jantina terhadap faktor yang dikaji	72
4.23	Perbezaan di antara umur dengan beban kerja	73
4.24	Perbezaan di antara umur dengan faktor kekangan masa dan sumber	74
4.25	Perbezaan di antara umur dengan faktor disiplin pelajar	75
4.26	Perbezaan di antara umur dengan faktor perhubungan interpersonal	76
4.27	Perbezaan di antara umur dengan faktor keperluan penghargaan	77
4.28	Perbezaan di antara tempoh bekerja dengan faktor beban kerja	78
4.29	Perbezaan di antara tempoh bekerja umur dengan faktor kekangan masa dan sumber	79
4.30	Perbezaan di antara tempoh bekerja dengan disiplin pelajar	80
4.31	Perbezaan di antara tempoh bekerja dengan faktor perhubungan Interpersona	81
4.32	Perbezaan di antara tempoh bekerja dengan faktor keperluan penghargaan	82



PTTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH



## KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>v</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Skop Kajian	6
1.7 Batasan Kajian	7
1.8 Kepentingan Kajian	8
1.8.1 Guru	8
1.8.2 Kementerian Pelajaran Malaysia	8
1.8.3 Pihak pentadbir	9
1.8.4 Pengkaji	9
1.9 Kerangka Teori dan Konseptual	10
1.9.1 Teori Behaviorisme	10
1.9.2 Teori Tingkah Laku dan Biologikal	10
1.10 Definisi Operational	13



1.10.1	Tekanan kerja	13
1.10.2	Keperluan penghargaan	13
1.10.3	Guru sekolah menengah	14
1.11	Rumusan Bab	14
<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>15</b>
2.1	Pengenalan	15
2.2	Definisi Tekanan	15
2.3	Model Tekanan Kerja Guru	16
2.4	Tekanan Kerja Guru	20
2.5	Faktor-faktor Tekanan Kerja Guru	21
2.5.1	Demografi	21
2.5.2	Bebanan Kerja	22
2.5.3	Disiplin Pelajar	23
2.5.4	Keperluan Penghargaan	25
2.5.5	Kekangan Masa dan Sumber	26
2.5.6	Perhubungan Interpersonal	27
2.6	Model Pengukuran Rasch	28
2.7	Teori Respon Item ( <i>Item Response Theory</i> )	29
2.8	Teori Ujian Klasik ( <i>Classical Test Theory</i> )	29
2.9	Analisis Komponen Utama- Principle Component Analysis (PCA)	30
	Rasch	
2.9.1	Kriteria yang diperlukan dalam Analisis Komponen Utama	31
2.10	Rumusan bab	32
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>33</b>
3.1	Pengenalan	33
3.2	Reka bentuk Kajian	33
3.3	Prosedur melaksanakan kajian	35
3.4	Lokasi kajian	36
3.5	Populasi dan Sampel kajian	36
3.6	Instrumen Kajian	37
3.7	Kajian rintis	38



3.7.1 Kesahan Soal Selidik	39
3.7.2 Kesahan Muka dan Kandungan	39
3.8 Analisis Kajian Rintis	39
3.8.1 Analisis Kebolehpercayaan Item dan Indeks Pengasingan	40
3.8.2 Analisis Kebolehpercayaan Responden dan Indeks Pengasingan	40
3.8.3 Alpha Cronbach	41
3.8.4 Analisis item	42
3.9 Kaedah Analisis Data	47
3.10 Rumusan bab	50
<b>BAB 4 ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN</b>	<b>51</b>
4.1 Pengenalan	51
4.2 Maklumat Demografi Responden	51
4.2.1 Jantina	51
4.2.2 Umur	52
4.2.3 Bangsa	52
4.2.4 Tempoh bekerja	53
4.3 Analisis Dapatan Kajian	53
4.3.1 Dapatan Objektif Kajian 1	54
4.3.1.1 Apakah Faktor yang Mempengaruhi Tekanan Kerja Guru Berdasarkan analisis dokumen kajian lepas?	54
4.3.2 Dapatan Objektif Kajian 2	55
4.3.2.1 Sejauhmanakah konstruk-konstruk yang diuji memenuhi kriteria Analisis Komponen Utama	55
4.3.2.2 Adakah Konstruk-Konstruk yang dibentuk bersifat Undimensi?	56
4.3.3 Dapatan Objektif Kajian 3	58
4.3.3.1 Analisis Konstruk Beban Berja	59
4.3.3.2 Analisis Konstruk Kekangan Masa dan Sumber	60
4.3.3.3 Analisis Konstruk Disiplin Pelajar	61



4.3.3.4 Analisis Konstruk Perhubungan Interpersonal	61
4.3.3.5 Analisis Konstruk Keperluan Penghargaan	62
4.3.4 Dapatan Objektif Kajian 4	66
4.3.4.1 Bagaimanakah Tahap Tekanan Kerja Guru Sekolah Menengah Berdasarkan Faktor-faktor yang dikaji?	66
4.3.4.2 Perbezaan di antara Jantina Dengan Faktor Tekanan Kerja Guru	71
4.3.4.3 Perbezaan di Antara Umur Dengan Faktor Tekanan Kerja Guru Sekolah Menengah	72
4.3.4.4 Perbezaan di Antara Tempoh Bekerja dengan Faktor Tekanan Kerja Guru Sekolah Menengah	77
4.4 Rumusab bab	82
<b>BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>83</b>
5.1 Pengenalan	83
5.2 Perbincangan	83
5.2.1 Faktor- Faktor yang Mempengaruhi Tekanan Kerja Guru	84
5.2.2 Analisis Komponen Utama ( <i>Principal Component Analysis</i> )	85
5.2.3 Faktor yang Dominan	86
5.2.4 Tahap Tekanan Kerja Guru Berdasarkan Faktor yang di kaji	87
5.2.5 Perbezaan Antara Konstruk Yang Dikaji Dengan Demografi Responden	89
5.2.5.1 Perbezaan Di Antara Jantina Dengan Faktor Tekanan Kerja Guru Sekolah.	89
5.2.5.2 Perbezaan Di Antara Umur Dengan Faktor Tekanan Kerja Guru Sekolah.	90
5.2.5.3 Perbezaan di Antara Tempoh Bekerja Dengan Faktor Tekanan Kerja Guru Sekolah	91
5.3 Rumusan Dapatan Kajian	93
5.4 Kesimpulan	94
5.5 Cadangan	94
5.6 Cadangan Kajian Lanjutan	96



**RUJUKAN**  
**LAMPIRAN**  
**VITA**

**98**



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pekerja seolah-olah jentera atau penggerak dalam sesebuah organisasi (Hamdan Abd Kadir, 2009). Dalam sesebuah sekolah, guru boleh dirujuk sebagai penggerak dalam organisasi tersebut. Guru merupakan satu profesion yang sering dilihat berhadapan dengan lebih banyak tekanan. Profesion perguruan juga merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial yang sungguh mencabar. Sistem pendidikan di Malaysia sentiasa mengalami perubahan mengikut kompleks. Lantaran itu, bagi mencapai matlamat utama pendidikan, guru pada hari ini haruslah peka terhadap perubahan yang berlaku dalam dunia pendidikan dan sentiasa bersedia menyesuaikan diri dari pelbagai aspek termasuk penambahan pengetahuan dan kemahiran yang harus dipertingkatkan, berkemahiran dalam pengurusan, bertanggungjawab dan bersedia dengan beban tugas yang bertambah. Bagi memenuhi permintaan yang tinggi dalam pendidikan, guru-guru semakin mula berasa tertekan dalam menghadapi pelaksanaan pelbagai reformasi dalam pendidikan. peredaran zaman dan ini menjadikan proses mendidik pelajar-pelajar bertambah.

Guru-guru adalah domain utama yang diamanahkan dalam proses penerapan dan penyampai ilmu kepada pelajar. Guru dituntut untuk membangunkan diri dengan sebarang bentuk pembaharuan yang berlaku dari masa ke semasa. Situasi tersebut secara umumnya mengakibatkan guru-guru terpaksa berhadapan dengan tanggungjawab yang lebih mencabar, lebih berat dan semakin kompleks.

Stres merupakan satu penyakit yang sering dikaitkan dengan kesihatan mental dan kerap menyerang masyarakat pada hari ini. Kesihatan mental seperti yang



didefinisikan oleh Pertubuhan Kesihatan sedunia (WHO) adalah kebolehan mengekalkan hubungan yang harmoni dengan orang lain. “Kebolehan dalam mengambil bahagian di dalam aktiviti kemasyarakatan dan kebolehan untuk menyumbang khidmat kepada masyarakat” (Kempen Cara Hidup Sihat, Kementerian Malaysia, 2000). Apabila seseorang itu berhadapan dengan tekanan, sudah tentu ia akan gagal untuk berfungsi dengan baik di dalam masyarakat. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh „Institute of Stress“ di New York, Amerika terdapat 90 peratus daripada lelaki dewasa mengalami tekanan yang kuat sekurang-kurangnya dua kali seminggu, manakala 25 peratus lagi mengalami tekanan setiap hari.

Thurayya Othman (2007) menyatakan bahawa seseorang pekerja yang sentiasa berhadapan dengan manusia sebagai pelanggannya seperti guru, tidak dapat lari daripada masalah stress atau tekanan. Beberapa pengkaji ada memberikan pendapat bahawa guru-guru kini terpaksa berhadapan dengan perubahan demi perubahan dalam bidang pendidikan sehingga wujudnya beban yang keterlaluan. Tambahan pula, terdapat tiga faktor yang menyebabkan stres di kalangan guru, iaitu harapan ibu bapa yang terlalu tinggi kerana sering mahukan pencapaian yang terbaik, masalah disiplin pelajar yang semakin sukar dikawal dan pelajar-pelajar yang semakin cerdik berbanding guru (Azizi Yahaya dan Tee, 2006).

## 1.2 Latar belakang kajian

Guru yang berkesan adalah pemangkin kecemerlangan pendidikan dan hakikat ini menagih perubahan di kalangan golongan guru untuk merealisasikan hasrat dan aspirasi sistem pendidikan negara dalam melahirkan generasi yang serba boleh menjelang tahun 2020 nanti (Abdul Jalil, 2000). Kyriacou (1987) telah menjelaskan bahawa terdapat bukti yang kukuh menunjukkan tekanan yang berpanjangan boleh melemahkan mental dan fizikal seseorang guru. Ianya turut disokong oleh Ali Murat (2003) iaitu terlalu banyak tekanan yang dihadapi oleh guru juga boleh mendatangkan kesan yang negatif yang boleh mengganggu prestasi dan kepuasan kerja guru. Tekanan guru yang dimaksudkan ditakrifkan sebagai pengalaman yang kurang disenangi oleh seseorang

guru dari segi emosi seperti “tension”, kebimbangan, kemarahan, dan segala sesuatu yang berkaitan dengan aspek pekerjaan sebagai seorang guru.

Menurut Reiman & Edelfelt (2004), seseorang guru perlu memainkan pelbagai peranan, seperti sebagai seorang individu profesional, guru kepada pelajar, ahli dalam hierarki staf, individu yang berhubung dengan ibu bapa atau waris pelajar dan masyarakat, rakan sejawat kepada lain-lain pendidik profesional, ahli dalam sesebuah persatuan profesional dan sebagainya. Esah Sulaiman (2003) juga telah menekankan beberapa peranan guru masa kini, iaitu pengajar dan penyebar ilmu, penyelidik, pengurus, pembimbing, pembentuk akhlak, penulis, penjaga impian, pembina kemahiran sosial dan penjaga atau ibu bapa. Ternyata bahawa beban tugas yang dipikul oleh guru begitu besar dan kadang kala ada yang tidak berkenaan dengan profesionnya, iaitu mengajar.

Kini, guru mempunyai peranan yang paling besar khususnya dalam mengawal keseimbangan moral pelajar-pelajarnya. Guru turut memikul tanggungjawab dalam mengawasi disiplin pelajar agar mereka tidak hanyut dalam arus pembangunan dan pemodenan (Esah Sulaiman, 2003). Dalam alaf baru ini, anak bangsa kita dikatakan menghadapi keruntuhan moral yang semakin meruncing. Dalam konteks ini, guru sebagai pembentuk akhlak pelajar telah dituntut supaya memberi tunjuk ajar, nasihat dan teguran yang lebih efektif kepada pelajar. Di samping mengajar dan berdepan dengan pelbagai karenah pelajar-pelajarnya, seseorang guru itu juga dituntut untuk melaksanakan pelbagai tugas lain yang sudah menjadi rutin pekerjaan mereka. Umpamanya, guru dikehendaki membuat persediaan mengajar, menyemak kerja bertulis pelajar, mengisi borang, mengutip yuran, mengemaskini kedatangan pelajar, menyediakan laporan prestasi, menyediakan soalan ujian dan peperiksaan, mengurus hal ehwal kebajikan pelajar, memberi bimbingan dan kaunseling dan lain-lain lagi bagi memajukan pelajar. Adakalanya guru itu bukan sekadar berperanan sebagai pengurus di peringkat sekolah, tetapi juga di peringkat daerah dan kebangsaan. Jelaslah kepada kita bahawa guru mempunyai tugas harian, mingguan dan tahunan yang penuh mencabar dan profesion perguruan ini sebenarnya adalah sukar, meleihkan dan membosankan





Daripada perspektif Islam pula, konsep tekanan atau stress adalah fitrah kehidupan manusia. Tekanan ini mampu memberi impak yang positif dan negatif bergantung bagaimana seseorang itu mengawal, mengurus dan mengendalikan tekanan. Semakin besar tekanan yang dihadapi, semakin besar nilai pahala di sisi Tuhan (Mohd Taib & Hamdan, 2006). Ini menunjukkan bahawa, setiap pekerjaan terutamanya guru pasti menghadapi tekanan di tempat kerja. Namun, bagaimana tekanan tersebut akan berlarutan adalah bergantung kepada kaedah seseorang menanganinya. Hamdan Abd Kadir (2009) juga menyatakan bahawa lazimnya tekanan akan menyebabkan gangguan emosi apabila seseorang itu tidak tahu cara untuk mengatasinya.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Hasil daripada perbincangan dalam latar belakang masalah di atas, didapati bahawa terdapat masalah-masalah yang dihadapi dalam profesion perguruan seperti guru-guru terpaksa membuat persediaan mengajar, menyemak buku latihan dan kerja-kerja lain yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Selain kerja rutin, guru juga wajib menjalankan kerja-kerja pengkeranian seperti borang, menaip surat, menyediakan minit mesyuarat serta menjadi penasihat persatuan, permainan, kelab dan sukan. Maka, beban kerja yang terlalu banyak ini dilihat menjadi salah satu punca berlakunya tekanan dalam kalangan guru. Terdapat beberapa permasalahan yang dihadapi oleh pendidik jika mengalami tekanan kerja di kalangan guru-guru. Menurut Lim (2001), guru seringkali mengalami masalah kekurangan masa untuk menyelesaikan kerja mereka. Guru juga perlu memastikan pelajar mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan (Mohd Taib & Hamdan, 2006). Tambahan pula, kajian tekanan oleh Huisman (2009), melaporkan bahawa kesemua responden percaya bahawa tekanan yang dialami telah memberi impak negatif terhadap pelajar dan menyebabkan pengajaran menjadi kurang efektif. Dalam kesibukan dan usaha mencapai kejayaan ini, pastinya guru-guru ini menghadapi pelbagai tekanan yang menyebabkan adakalanya pelbagai isu yang timbul terutamanya isu mengenai guru memukul pelajar dan pelbagai kekasaran yang lain. Selain itu, dengan bebanan kerja yang terlalu, sesetengah guru adakalanya melepaskan kemarahan dan kekecewaan ini dengan bertindak di luar kawalan secara spontan atau secara tidak sedar.

Beliau juga mengakui bahawa kekangan masa yang dihadapi oleh guru menyebabkan guru tidak mempunyai masa untuk bersenam atau melakukan aktiviti sukan. Ini menyebabkan guru-guru berasa lesu dan tidak bermaya ketika menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Tambahan pula, guru-guru juga menghadapi tekanan sewaktu berada di rumah. Kesan daripada tekanan guru dapat menjejaskan prestasi guru-guru dan secara tidak langsung juga akan menjejaskan pencapaian pelajar. (Utusan Malaysia, 2012).

Penyelidik berpendapat bahawa terdapat banyak masalah yang berkaitan dengan tekanan guru. Justeru itu, amatlah mustahak untuk mengkaji dan memahami faktor-faktor yang menyebabkan tekanan kerja guru. Faktor kurang motivasi perlu diberi perhatian yang serius supaya ia tidak memberi kesan terhadap hasil kerja institusi dan seterusnya menjejaskan reputasi sekolah. Dengan pelbagai kes yang berlaku ini pastinya akan memberikan kesan terhadap kecemerlangan pelajar dan keberkesanan sesebuah institusi. Hal yang berlaku ini pasti ada sebab dan faktor yang tersendiri. Oleh itu, amatlah penting untuk mengesahkan faktor-faktor yang menyebabkan tekanan kerja guru. Adalah diharapkan bahawa pengesahan faktor tekanan kerja guru ini dapat menjadi satu sumber yang bermakna oleh pelbagai pihak.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ialah:

- (i) Menenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tekanan kerja guru.
- (ii) Mengesahkan faktor-faktor yang menyebabkan tekanan kerja guru.
- (iii) Menenalpasti faktor yang dominan terhadap tekanan kerja guru.
- (iv) Menenalpasti impak dimensi faktor yang dikaji.

## 1.5 Persoalan kajian

Bagi mencapai objektif yang pertama iaitu mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tekanan kerja guru terdapat persoalan kajian yang perlu dijawab iaitu:

- (i) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi tekanan kerja guru berdasarkan analisis dokumen kajian lepas?

Bagi mengesahkan faktor-faktor yang menyebabkan tekanan kerja guru persoalan yang perlu dijawab ialah:

- (i) Sejauhmanakah konstruk-konstruk yang dikaji memenuhi kriteria Analisis Komponen Utama?
- (ii) Adakah konstruk-konstruk yang dibentuk bersifat unidimensi?

Bagi mengenalpasti faktor dominan terhadap tekanan kerja guru terdapat persoalan kajian yang perlu dijawab iaitu:

- (i) Apakah faktor dominan bagi tekanan kerja guru sekolah menengah?

Bagi mengenal pasti impak dimensi terhadap responden berdasarkan faktor yang dikaji persoalan yang perlu dijawab iaitu:

- (i) Bagaimanakah tahap tekanan kerja guru berdasarkan faktor yang dikaji? Apakah impak dimensi terhadap responden berdasarkan faktor yang dikaji?
- (ii) Adakah terdapat perbezaan antara faktor yang dikaji dengan demografi responden?

## 1.6 Skop kajian

Kajian ini telah memfokuskan mengenai tekanan kerja guru di sekolah menengah yang terletak di kawasan bandar dalam daerah Batu Pahat, Johor. Terdapat pelbagai jenis institusi pendidikan yang melibatkan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Antaranya adalah Sekolah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Menengah Teknik, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina/Tamil dan sebagainya. Namun, dalam kajian ini pengkaji tertumpu kepada sekolah menengah kebangsaan. Skop kajian juga telah dikecilkan kepada bahagian daerah Batu Pahat, Johor sahaja. Kajian juga akan dilakukan terhadap guru-guru yang mengajar di sekolah yang terletak di kawasan bandar dalam daerah Batu Pahat dan merupakan sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah Gred A.

### 1.7 Batasan kajian

Kajian ini hanya dilakukan kepada guru-guru yang mengajar sahaja tidak termasuk guru besar, guru penolong kanan dan guru penyelia petang. Hal ini kerana guru-guru yang mengajar dilihat lebih dekat dengan pelajar dan lebih banyak masa dihabiskan bersama dengan pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga hanya terbatas kepada guru-guru yang mengajar di sekolah menengah yang terletak di kawasan bandar sahaja kerana pengkaji ingin mengetahui faktor-faktor tekanan kerja guru yang mengajar di sekolah tersebut serta mengesahkan faktor sebenar yang menjadi punca tekanan guru-guru di sekolah tersebut. Selain itu, faktor kos yang menyebabkan kajian dijalankan dan difokuskan kepada sekolah di negeri Johor sahaja. Ini kerana sekiranya pengkaji mengambil responden di negeri lain ini akan memakan masa untuk menerima maklum balas dan kos untuk mendapatkan maklumat adalah tinggi yang melibatkan kos penghantaran (pos) borang soal selidik di luar kawasan Negeri Johor.

Selain itu, kajian ini hanya akan menggunakan pendekatan *Principal Component Analysis* (PCA) untuk mengesahkan faktor-faktor yang menyebabkan tekanan kerja guru. Kajian ini terbatas dalam Daerah Batu Pahat, Johor sahaja. Dapatan kajian ini tidak digeneralisasikan kepada seluruh warga pendidikan dan juga tidak dirumuskan kepada semua guru di Malaysia. Ini disebabkan faktor-faktor yang menyebabkan tekanan kerja guru adalah berbeza dikalangan individu, sekolah dan kawasan.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Hasil daripada kajian ini, penyelidik berharap ia dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang berkaitan seperti pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, guru-guru sekolah menengah, pihak pentadbir sekolah dan penyelidik sendiri.

### **1.8.1 Guru**

Menurut Gold dan Roth (1993), ramai guru sedar akan kewujudan tekanan di dalam diri mereka, namun mereka tidak mengetahui cara untuk mengendalikannya. Memandangkan tekanan boleh menjejaskan prestasi dan kepuasan kerja serta menurunkan produktiviti, pengetahuan mengenai masalah tekanan kerja adalah amat penting kepada para guru sekolah menengah. Ini turut disokong oleh Tang dan Yeung (1999) yang menekankan bahawa adalah penting bagi seseorang guru untuk mengetahui punca-punca stres kerja yang berpotensi dan kesan stres terhadap kesejahteraan psikologinya. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menyedarkan guru sekolah mengenai bahayanya tekanan kerja di samping membantu mereka mengatur langkah untuk meminimalkan stres yang dihadapi. Guru-guru merupakan tenaga pengajar yang amat penting dalam memastikan para pelajar mendapat keperluannya sebagai seorang pelajar. Menurut Mok Soon Sang (2002), guru merupakan tenaga ikhtisas di dalam bidang perguruan yang dipertanggungjawabkan untuk mendidik dan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada murid-murid di institusi pendidikan. Peranan ini memerlukan sokongan daripada orang lain. Oleh itu, dapatlah kita simpulkan bahawa guru ialah pakar dalam pengajaran yang bertanggungjawab merancang, memandu dan menilai pembelajaran.

### **1.8.2 Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia**

Hasil dapatan kajian ini dapat memberi input yang berguna kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia tentang tahap tekanan kerja guru-guru. Jadi, pihak yang terlibat

boleh mengambil pelbagai langkah bagi meminimumkan stres guru seterusnya memberi kesan positif kepada guru-guru. Tanpa kepuasan kerja dan komitmen yang tinggi oleh guru-guru ini, tanggungjawab ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Kepuasan kerja dan komitmen yang tinggi oleh para guru ini berupaya memastikan mutu perkhidmatan Perguruan Malaysia yang tinggi serta bagi memastikan bahawa semua pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan sempurna dan teratur.

### **1.8.3 Pihak pentadbir**

Di samping itu, hasil dapatan penyelidikan ini juga dapat menimbulkan kesedaran di kalangan pihak pentadbir sekolah mengenai isu tekanan kerja guru di samping memberi peluang kepada mereka untuk mengenal pasti tahap dan faktor-faktor tekanan kerja di kalangan guru sekolah menengah. Dengan ini, pihak pentadbir sekolah dapat mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menangani atau sekurang-kurangnya meminimalkan tekanan kerja di kalangan guru.

### **1.8.4 Pengkaji**

Akhir sekali, kajian ini juga amat berguna bagi pihak penyelidik sendiri memandangkan profesion yang akan diceburi adalah profesion perguruan yang kini dilanda dengan berbagai isu, seperti tekanan kerja, konflik dan keaburan peranan, permasalahan perkhidmatan dan sebagainya

Maka, kajian ini merupakan satu usaha untuk mengenalpasti faktor-faktor tekanan dalam kalangan guru sekolah menengah sekitar Daerah Batu Pahat, Johor. Dapatan kajian dijangka berupaya mengesahkan faktor yang perlu diberi tumpuan bagi memastikan tekanan kerja bagi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan berkesan dan teratur.

## 1.9 Kerangka teori dan konseptual

Rajah 1.1 menunjukkan bahawa teori behaviorisme dan teori tingkah laku biologikal yang diadaptasi oleh Skinner & Hans Selye (1995) berkait rapat dengan tingkah laku guru. Hal ini disokong oleh Mahmood Nazar (2004) yang menegaskan bahawa teori telah dikemukakan ini berkaitan dengan tekanan kerja guru.

### 1.9.1 Teori Behaviorisme


Dari pandangan behaviorisme iaitu Skinner (1971), seseorang yang menunjukkan tingkah laku yang tertekan terhadap sesuatu rangsangan telah diteguhkan masa lampau untuk memberi tindak balas tersebut. Lazarus (2009) pula mencatatkan bahawa tingkah laku yang berkaitan dengan stres ini lebih dipengaruhi oleh proses pembelajaran daripada pengaruh unsur mekanisme naluri. Melalui proses peneguhan ke atas beberapa tingkah laku yang terpilih seseorang itu boleh dibentuk untuk mengalami tekanan dari situasi tertentu. Sebagai contoh, bagi seseorang yang mengalami tekanan di tempat kerja kerana terlalu banyak berhadapan dengan permintaan atau perintah yang lain. Keadaan ini adalah tertakluk kepada senang atau susah tingkah laku seseorang itu dibentuk dan jikalau ia mudah, maka senanglah ia mengalami tekanan.

### 1.9.2 Teori Tingkah Laku dan Biologikal

Hasil dari penyelidikannya, beliau telah mengutarakan satu teori yang menarik iaitu teori tingkah laku dan biologikal. Beliau mendefinisikan teori ini sebagai satu tindak balas yang tidak spesifik oleh tubuh badan terhadap apa-apa rangsangan atau permintaan. Selye telah memperkenalkan pengertian mengenai tekanan yang berkaitan dengan penyakit sebagai *General Adaptation Syndrome* (GAS) ataupun Sindrom Adaptasi Am. Sindrom ini dikatakan am kerana tindak balas dihasilkan oleh tubuh badan adalah sama kepada apa-apa bentuk rangsangan yang menyebabkan tekanan. Sindrom ini mempunyai proses adaptasi kerana tubuh akan merangsang satu bentuk pertahanan yang membantu




untuk mengatasi masalah. Ia dinamakan sindrom kerana manifestasi reaksi adalah berkaitan di antara satu sama lain. Jelaslah bahawa kedua-dua teori yang digunakan dalam kajian ini berkait dengan tekanan kerja guru.



Rajah 1.1: Kerangka teori adaptasi daripada (Skinner, Hans Style (1995) dan Boyle *et al.* (1995)





Rajah 1.2: Kerangka konsep faktor-faktor yang menyebabkan tekanan kerja guru

Berdasarkan Rajah 1.2 model tekanan kerja telah diadaptasi sebagai asas dalam kajian ini iaitu model tekanan kerja guru oleh Boyle, Borg, Falzon & Baglioni (1995). Menurut Boyle *et al.* (1995) terdapat lima faktor yang boleh membawa kepada tekanan kerja guru. Lima faktor berkenaan ialah beban tugas, kekangan sumber dan masa, hubungan rakan sekerja yang buruk dan keperluan penghargaan dan salah laku pelajar. Terdapat dua pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini iaitu pemboleh ubah bersandar ialah tekanan kerja guru dan pemboleh ubah tidak bersandar ialah faktor-faktor tekanan kerja iaitu bebanan kerja, keperluan penghargaan, kekangan masa, disiplin pelajar dan perhubungan interpersonal. Kajian ini akan mengesahkan adakah

kelima-lima faktor-faktor dalam model tekanan kerja guru yang di bina oleh Boyle (1995) sama atau sebaliknya dengan faktor tekanan kerja guru di Malaysia dengan menggunakan pendekatan analisis pengesahan faktor atau *Principal Confirmatory Analysis* (PCA).

### **1.10 Definisi Operasional (*Operational Definition*)**

Kajian ini akan melibatkan penggunaan beberapa istilah seperti tekanan kerja, kekangan, pengalaman mengajar, kekangan masa, beban tugas, salah laku pelajar, perhubungan rakan sekerja yang buruk dan keperluan penghargaan.

#### **1.10.1 Tekanan kerja**

Perbuatan menekan, desakan, paksaan, keadaan menekan atau keadaan tertekan semasa bekerja di sekolah, keadaan menanggung beban yang sukar untuk ditanggung (Noresah Baharom, 2005). Cooper & Marshall (1976) mendefinisikan stres kerja sebagai ketidakupayaan individu untuk bertindak balas terhadap rangsangan dalam diri dan persekitaran kerja sehingga memberi impak-impak tertentu kepada dirinya. Cooper & Marshall (1976) turut melihat tekanan kerja sebagai faktor atau *stressor* persekitaran yang negatif yang berkaitan dengan sesuatu pekerjaan seperti beban tugas, konflik atau kekaburan peranan, keadaan kerja yang tidak memuaskan dan sebagainya.

#### **1.10.2 Keperluan penghargaan**

Merujuk kepada prospek mendapat kenaikan pangkat pada masa depan, kesetimpalan gaji yang diterima berbanding dengan tugas yang dipertanggungjawabkan, penghargaan yang diberikan oleh pengetua di atas usaha-usaha pengajaran yang cemerlang serta peluang dalam membuat keputusan. Cooper & Marshall (1976) menyatakan bahawa faktor ini mendorong kepada tekanan kerja guru.

### **1.10.3 Guru sekolah menengah**

Guru terlatih yang sedang bertugas di sekolah-sekolah menengah di Daerah Batu Pahat, Johor dan termasuk pengetua, penolong kanan dan penyelia petang. Mereka mempunyai kelayakan akademik yang setaraf dan sesuai untuk menjadi guru. Senarai sekolah menengah diperolehi dari Jabatan Pendidikan Johor, Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **1.11 Rumusan bab**

Secara kesimpulannya, dalam bab ini kita dapat melihat sepintas lalu tentang kajian yang dijalankan oleh pengkaji mengenai faktor-faktor tekanan kerja guru. Turut dinyatakan dalam bahagian ini adalah pernyataan masalah kajian, objektif dan persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, definisi operasional, kerangka konseptual kajian, kerangka teori serta skop dan batasan kajian ini. Bab yang seterusnya akan membincangkan tentang kajian literatur mengenai model tekanan kerja guru, kajian di dalam dan luar negara.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai teori, model dan penyelidikan-penyelidikan pengkaji terdahulu tentang perkara yang berkaitan dengan kajian ini. Teori, model dan dapatan kajian tersebut amat penting dan berguna untuk dijadikan asas dan panduan terutamanya kepada penyelidik untuk lebih memahami permasalahan kajian. Tekanan pekerjaan adalah sesuatu yang sentiasa berlaku kepada manusia. Tekanan pekerjaan di kalangan guru telah menjadi satu isu yang semakin hangat diperkatakan oleh pelbagai pihak. Tambahan pula, kenyataan ini terbukti apabila berbagai kajian telah dijalankan di serantau dunia dan berbagai program dan bengkel telah diadakan bagi membantu guru-guru mengendalikan masalah stres kerja dan mengurangkan stres yang dihadapi oleh mereka. Dalam kajian ini, tinjauan literatur akan menumpukan kepada tekanan kerja secara umum dan tekanan kerja di dalam profesion perguruan serta isu-isu yang berkenaan dengannya secara khusus. Dalam bab ini, penyelidik akan membincangkan beberapa model stres kerja guru, kajian-kajian lepas. Sorotan penulisan ini sedikit sebanyak dapat membantu penyelidikan berkaitan stres kerja guru yang telah dipilih oleh penyelidik di samping mewujudkan satu panduan yang menuju kepada matlamat kajian ini.

#### 2.2 Definisi Tekanan

Cox (2000) menyatakan bahawa stres berasal daripada perkataan Greek *stringere* yang membawa maksud ketat atau tegang. Robbins & Stephen (2000) pula menyatakan stres adalah satu keadaan dinamik di mana individu menghadapi sesuatu



peluang, konstrain atau permintaan berkaitan dengan apa yang dikehendaki, di mana hasil yang diterima itu adalah tidak pasti dan tidak penting.

Lazarus (2009) menegaskan bahawa tekanan adalah satu bentuk keadaan ataupun perasaan yang hadir daripada pengalaman apabila seseorang individu menganggap bahawa permintaan yang diterima oleh mereka adalah begitu tinggi dan tidak mampu untuk mereka penuhi atas sebab kekurangan sumber sosial dan peribadi. Dalam erti kata lain, individu tersebut tidak mampu lagi untuk mengawal sesuatu keadaan ataupun situasi. Greenberg & Baron (2000), pula berpendapat bahawa tekanan didefinisikan sebagai tahap emosi yang agak kompleks, reaksi fisiologi dan pemikiran yang saling berkaitan telah membawa kepada permintaan luaran. Greenberg dan Baron merujuk kepada permintaan sebagai permintaan daripada persekitaran sekeliling sebagai punca *stressors*. Contoh *stressors* ialah permintaan terhadap tugas di tempat kerja, perhubungan interpersonal dengan rakan sekerja, perhubungan dengan isteri atau suami dengan anak-anak dan pemaksaan dalam bersosial.

### 2.3 Model Tekanan Kerja

Menurut Kyriacou dan Sutcliffe (1978a), tekanan kerja guru diertikan sebagai satu sindrom gerak balas terhadap beberapa aspek yang negatif (seperti rasa marah atau kemurungan) yang dialami oleh guru dan ia lazimnya disertai dengan perubahan biokimia dan psikologi (seperti degupan jantung yang meningkat atau pembebasan hormon *adrenocorticotrophic* ke dalam aliran darah) yang bakal menyebabkan penyakit-penyakit hasil daripada aspek-aspek pekerjaan mereka. Dalam konteks ini, permintaan yang diletakkan ke atas guru telah bertukar menjadi satu ancaman terhadap harga diri dan kesejahteraan psikologi serta fizikalnya.

Elemen penting dalam definisi ini adalah persepsi guru terhadap ancaman yang berdasarkan kepada tiga aspek, iaitu permintaan yang dilakukan ke atas seseorang guru; kegagalannya untuk memenuhi permintaan tersebut atau menghadapi kesukaran dalam memenuhi permintaan; dan kegagalan ini akan mengancam kesihatan mental dan fizikalnya. Definisi yang diberikan di atas kemudian dikonsepsikan menerusi model stres guru yang telah dibentuk oleh Kyriacou & Sutcliffe (1978a). Model stress guru ini ditunjukkan dalam rajah yang

berikut: Model ini telah membezakan punca tekanan kerja berpotensi daripada punca stres kerja sebenar. Punca tekanan kerja berpotensi adalah aspek-aspek kerja guru yang objektif (seperti beban tugas yang terlalu banyak atau keadaan kerja yang bising) yang memungkinkan tekanan guru berlaku. Punca stres kerja berpotensi hanya akan menyebabkan stres guru sekiranya ia dianggap oleh guru sebagai ancaman kepada harga diri dan kesejahteraan dirinya. Pentaksiran sebegini mungkin berlaku dalam dua cara. Pertama, guru beranggapan bahawa dia tidak berupaya untuk memenuhi atau mengendalikan tuntutan yang dibuat terhadapnya. Kedua, tuntutan yang dibuat ke atas guru bercanggah dengan keperluannya yang lebih tinggi. Taksiran yang dibuat oleh guru tentang tuntutan yang dibuat kepada dirinya bergantung kepada interaksi antara ciri-ciri individu guru dan persepsi guru itu terhadap tuntutan kepada dirinya. Ciri-ciri individu guru termasuklah butir-butir biografi seperti jantina, pengalaman mengajar serta sifat-sifat personaliti seperti kecenderungan membimbang, fleksibiliti-ketegaran berkeupayaan untuk memenuhi atau mengendalikan tuntutan dan sistem kepercayaan sikap dan nilai guru tersebut.

Taksiran mungkin juga akan dipengaruhi oleh punca tekanan kerja berpotensi seperti krisis hidup atau penyakit yang bukan merupakan aspek-aspek pekerjaan. Punca-punca tersebut telah dinamakan sebagai punca stres bukan kerja berpotensi. Dalam model ini, punca tekanan kerja berpotensi telah terbahagi kepada dua kategori, iaitu faktor psikologi (seperti tuntutan untuk kerja yang berkualiti tinggi, hubungan dengan rakan sekerja yang tidak memuaskan) dan faktor fizikal (seperti tahap kebisingan yang tinggi). Walau bagaimanapun, terdapat punca tekanan kerja berpotensi yang merupakan gabungan daripada kedua-dua faktor tersebut seperti menanda kertas peperiksaan yang banyak. Punca tekanan kerja berpotensi yang telah ditaksir sebagai mempunyai ancaman dipanggil punca tekanan kerja sebenar. Punca tekanan kerja sebenar merupakan subset kepada punca stres kerja berpotensi. Dengan erti kata lain, punca tekanan kerja sebenar masih wujud dalam persekitaran guru. Mekanisma daya tindak digunakan oleh seseorang individu untuk menangani punca tekanan kerja sebenar. Sebahagian mekanisma daya tindak adalah ditentukan oleh ciri-ciri individu guru. Tekanan guru adalah berhubung secara langsung dengan tahap ketidak upaya mekanisma daya tindak untuk mengendalikan punca-punca tekanan dan tahap guru mentaksir sesuatu ancaman. Tekanan guru juga dikonsepskan sebagai suatu respon terhadap pengaruh negatif seperti kemarahan kemurungan, yang lazimnya disertai dengan fenomena lain yang dianggap sebagai respon yang




berkaitan dengan tekanan kerja guru. Respon-respon ini boleh wujud dalam bentuk psikologi seperti ketidak puasan kerja yang tinggi, fisiologi seperti tekanan darah tinggi ataupun tingkah laku seperti ponteng kerja. Selain itu, empat gelung maklum balas turut dicadangkan dalam model ini yang diwakili dengan abjad (a), (b), (c) dan (d).

Pertama, mekanisma daya tindak yang digunakan oleh guru untuk mengendalikan punca stres kerja sebenar mungkin akan mempengaruhi pentaksiran guru terhadap punca stres berpotensi. Umpamanya, apabila cara penafian dipilih sebagai mekanisma daya tindak dan telah digunakan dengan jayanya, punca stres sebenar akan bertukar menjadi punca stres berpotensi. Ini ditunjukkan oleh kotak (a). Kedua, stres guru sendiri mungkin akan mempengaruhi pentaksiran yang dibuat, sama ada secara langsung, gelung (b), di mana guru yang amat tidak berpuas hati dengan kerjanya mungkin akan menganggap tuntutan yang dibuat ke atasnya sebagai suatu ancaman terhadap harga diri dan kesejahteraan dirinya, atau secara tidak langsung, iaitu gelung (c), di mana penyakit-penyakit yang dihidapi oleh seseorang guru bertukar menjadi punca stres bukan kerja berpotensi. Gelung (d) pula mewakili keadaan di mana pengalaman guru yang gagal memenuhi atau mengendalikan tuntutan mungkin akan mempengaruhi pentaksiran individu terhadap keupayaannya pada masa depan.

Berdasarkan kepada senarai faktor stres yang telah dilaporkan oleh Kyriacou dan Sutcliffe (1978a) dan dipendekkan oleh Borg, Riding & Falzon (1995), Boyle *et al.* (1995) telah membentuk satu model stres kerja guru seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.4. Dalam model ini, terdapat lima faktor stres yang telah dilibatkan, iaitu beban tugas, salah laku pelajar, penghargaan profesional, kekangan masa dan sumber dan perhubungan interpersonal yang tidak memuaskan.






Rajah 2.1: Model Stres Guru  
( Kyriacou & Sutcliffe, 1978a)



## 2.4 Tekanan Kerja Guru

Tekanan terhadap guru memang berkecenderungan untuk menyebabkan guru berada dalam keadaan murung, mengalami tekanan jiwa, kekecewaan dan kebimbangan. Guru yang gagal mengawal diri akibat tekanan akan memberi kesan kepada perhubungan guru dengan pelajar dan juga mutu pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini seterusnya boleh menjejaskan kualiti pendidikan dan juga profesion perguruan yang seterusnya akan membantutkan usaha mewujudkan sebuah masyarakat yang mampu membawa Malaysia ke tahap kecemerlangan dan kegemilangan mutu pendidikannya (Sapora, 2007). Berdasarkan model tekanan kerja guru yang dibentuk oleh Boyle *et al.* (1995) dalam Rajah 2.2, beliau menegaskan bahawa terdapat lima faktor yang boleh membawa kepada tekanan kerja guru. Kelima-lima faktor berkenaan adalah beban kerja, kekangan masa, hubungan rakan sekerja, disiplin pelajar dan keperluan penghargaan.



Rajah 2.2: Model Tekanan Guru (Sumber: Boyle, Borg, Falzon & Boglioni, 1995)

## 2.5 Faktor-faktor tekanan kerja guru

Berdasarkan model Boyle *et al.*(1995), terdapat lima faktor stres yang telah dilibatkan, iaitu beban tugas, salah laku pelajar, penghargaan profesional, kekangan masa dan sumber dan perhubungan interpersonal yang tidak memuaskan. Berdasarkan Tee & Azizi (2006), menyatakan bahawa faktor-faktor yang menyebabkan tekanan kerja guru (i) beban kerja (ii) kekangan masa dan sumber (iii) disiplin pelajar (iv) perhubungan interpersonal (v) keperluan penghargaan. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Raja Maria (2011) yang mendapati bahawa faktor yang mempengaruhi tekanan kerja guru adalah (i) beban kerja (ii) kekangan masa dan sumber (iii) disiplin pelajar (iv) perhubungan interpersonal (v) keperluan penghargaan. Faktor-faktor ini akan diuraikan dengan lebih jelas berdasarkan kajian-kajian lepas dari dalam dan luar negara sebagai bukti yang boleh menyokong hasil kajian. Selain kelima-lima faktor tersebut, sorotan kajian mengenai faktor demografi telah dikupas dengan lebih jelas berdasarkan kajian-kajian lepas.

### 2.5.1 Demografi

Dari aspek jantina, kajian lepas menjelaskan bahawa guru lelaki lebih tertekan jika dibandingkan dengan guru perempuan apabila mereka berdepan dengan tugas pentadbiran dan tugas-tugas yang melibatkan kertas kerja. Kajian juga menunjukkan guru perempuan lebih tertekan berbanding dengan guru lelaki apabila berdepan dengan masalah disiplin pelajar. Hasil kajian yang dijalankan oleh Tee & Azizi (2006), juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan stres kerja yang signifikan di kalangan responden mengikut jantina di mana beliau mendapati dalam kajiannya bahawa guru-guru lelaki lebih stress berbanding dengan guru-guru wanita. Berdasarkan hasil kajian yang dilakukan oleh Azizi & Nik Diana Hartika (2005) mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek bebanan kerja antara guru lelaki dan perempuan. Ini menunjukkan guru-guru di sekolah menengah menghadapi stres bebanan kerja yang sama antara lelaki dan perempuan. Begitu juga dengan aspek hubungan interpersonal dan peraturan sekolah. Tiada perbezaan stres yang dapat dilihat dari ketiga-tiga aspek ini. Walaubagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek masalah disiplin pelajar antara guru lelaki dan



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

perempuan. Ini menunjukkan terdapat perbezaan antara guru lelaki dan perempuan dalam menghadapi stres berkaitan masalah disiplin pelajar. Hasil kajian beliau juga mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor bebanan kerja dengan pengalaman mengajar. Ini menunjukkan guru yang lebih berpengalaman dan guru muda menghadapi stres bebanan kerja yang sama. Begitu juga dengan aspek masalah disiplin pelajar dan peraturan sekolah. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor masalah disiplin pelajar dan peraturan sekolah dengan pengalaman mengajar. Guru yang lebih berpengalaman dan kurang berpengalaman tidak mempunyai perbezaan dalam menghadapi stres berkaitan masalah disiplin pelajar dan peraturan sekolah. Walaubagaimanapun, terdapat hubungan yang signifikan antara faktor hubungan interpersonal dengan pengalaman mengajar. Menurut kajian yang dilakukan oleh Azizi & Nik Diana Hartika (2005) juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara faktor bebanan kerja dengan umur. Andaian yang dapat dibuat di sini adalah guru yang lebih berumur lebih merasa stres bebanan kerja berbanding guru muda. Hasil daripada kajian Azizi *et al.* (2010) menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara faktor-faktor stres di kalangan guru lelaki dan perempuan di sekolah menengah. Para guru menyatakan bahawa tahap stres guru secara keseluruhannya berada pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor stres dengan umur. Tambahan pula, kajian ini juga mendapati bahawa guru yang berkelulusan ijazah merasa kurang tertekan berbanding dengan rakan sekerja lain ketika menghadapi suasana dan prosedur sekolah yang kurang memuaskan. Apabila berdepan dengan masalah-masalah seperti suasana kelas yang rumit, kekurangan peralatan dan kemudahan serta kelakuan pengetua sekolah, guru yang berusia muda dan kurang berpengalaman mengalami stres yang lebih besar daripada guru yang lebih berpengalaman. Begitu juga dengan guru yang kurang berpengalaman dan berkelulusan lebih rendah dikatakan kurang tertekan dari segi pengurusan masa.

### **2.5.2 Bebanan kerja**

Sejak kebelakangan ini, isu yang berkaitan dengan peranan dan beban tugas guru sudah mula dibincangkan oleh semua lapisan masyarakat. Pentadbiran di sekolah

juga semakin kompleks hasil daripada transformasi pendidikan negara. Di samping menjalankan tugas rasmi dengan mengajar, guru-guru juga perlu menjalankan tugas-tugas lain. Guru-guru sekolah menengah dikehendaki melakukan proses pembayaran yuran pelajar, mengendalikan permohonan Skim Pinjaman Buku teks, biasiswa, kegiatan persatuan, gerak kerja kokurikulum dan sebagainya. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Ramli (2003), beliau menegaskan bahawa selain daripada menjalankan tugas di kelas, guru-guru juga perlu memainkan peranan lain sebagai pemimpin dan penggerak dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Oleh kerana besarnya harapan rakyat kepada guru-guru telah menimbulkan beban yang berat kepada guru-guru sendiri sehingga mereka tidak dapat menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka dengan sempurna. Berdasarkan kajian Azlina & Sew Lee (2008) menunjukkan faktor stres yang paling dominan ialah faktor beban kerja. Keadaan ini menggambarkan bahawa beban tugas guru-guru di negara kita tidak begitu mempengaruhi tekanan kerja guru.

Cooper (1988), menegaskan semua jenis dan bentuk kerja merupakan sumber utama yang menyumbang kepada bebanan tugas. Ini mungkin disebabkan kerja yang diberikan adalah tidak sesuai ataupun terlampau banyak sehingga menimbulkan beban kepada pekerja terbabit. Walaupun seseorang individu itu memang berbakat dan cekap di dalam menjalankan tugasnya, dalam masa yang sama beban kerja yang melampaui batas akan menyebabkan prestasi kerjanya menurun dengan mendadak akibat kepenatan fizikal dan mental yang boleh membawa kepada penyakit-penyakit tertentu seperti sakit jantung, darah tinggi dan sebagainya. Hasil kajian mendedahkan bahawa 14 peratus responden mengalami stres yang tinggi atau amat tinggi. Faktor beban tugas telah ditentukan sebagai punca stres yang paling ketara.

### **2.5.3 Disiplin pelajar**

Masalah disiplin pelajar di sekolah pada hari ini berada pada paras yang agak serius walaupun kadangkala kenyataan ini telah ditolak oleh pihak-pihak tertentu. Guru yang mengajar kerap kali berhadapan dengan situasi sebegini dan adalah menyedihkan apabila masalah ini masih lagi belum mampu diselesaikan sepenuhnya. Disiplin bermaksud kawalan diri, kawalan dari luar, patuh kepada pihak yang berkuasa serta cara untuk menetapkan hukuman ataupun peraturan. Oleh kerana itu



apabila terdapat kalangan pelajar yang menghadapi masalah disiplin, ini bermakna mereka tidak lagi mampu untuk mengawal diri apatah lagi patuh kepada peraturan dan pihak yang berkuasa lalu mereka sepatutnya dikenakan hukuman atas segala kesalahan yang mereka lakukan. Hal ini disokong oleh Ramli (2003) yang telah menjalankan kajian terhadap 53 orang guru-guru bengkel bersiswazah dan bukan siswazah di sekolah-sekolah menengah di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan untuk mengenal pasti tahap dan punca stres kerja guru. Hasil kajian menunjukkan faktor salah laku pelajar dan penghargaan telah menyebabkan stres yang tinggi kepada responden. Guru juga dikehendaki bertanggungjawab ke atas disiplin pelajar di sekolah. Pada hari ini, disiplin menjadi buah mulut masyarakat umum. Pada masa yang sama, guru sering dipersalahkan kerana kemerosotan disiplin pelajar di sekolah-sekolah pada hari ini.


Berdasarkan kajian yang dilakukan Azizi & Nik Diana Hartika (2005), hasil analisis mendapati tahap stres guru-guru di kalangan guru-guru di sekolah menengah dari bebanan kerja, hubungan interpersonal, masalah disiplin pelajar dan peraturan sekolah adalah berada pada tahap sederhana. Ini dapat dibuktikan melalui peratusan yang tinggi bagi kategori sederhana dalam setiap aspek yang dikaji. Faktor stres yang paling dominan di kalangan responden adalah berdasarkan aspek masalah disiplin pelajar. Ini menunjukkan bahawa masalah disiplin pelajar merupakan faktor utama yang menyumbang kepada stres guru. Kajian terdahulu oleh Mazlan (2002) terhadap 91 orang guru sekolah rendah di Zon Tenggara, Kulai, Johor juga mendapati bahawa faktor salah laku pelajar merupakan punca stres kerja guru yang utama selain daripada faktor perhubungan interpersonal. Abdul Rahim (2002) yang telah menjalankan kajiannya terhadap 130 orang guru sekolah menengah dan sekolah rendah di daerah Kota Tinggi juga menegaskan bahawa faktor salah laku pelajar. Ramli (2003) yang menunjukkan bahawa “pelajar yang tidak mengikut arahan” merupakan salah laku pelajar yang paling dominan dalam mengakibatkan stres kerja guru, diikuti oleh tindakan pelajar yang tidak menyiapkan tugas dan sikap pelajar yang negatif terhadap nasihat guru. Kajian beliau juga menyatakan bahawa sikap pelajar yang kurang memberi tumpuan merupakan salah laku pelajar yang paling tidak ketara dalam menyebabkan stres kerja di kalangan guru.

Hasil daripada penyelidikan Kyriacou & Sutcliffe (1978b) mendedahkan 19.9 peratus daripada 257 orang guru di 16 buah sekolah menilai kerja mereka amat tertekan atau terlalu tertekan dan hanya 4.7 peratus responden menilai kerja mereka



## RUJUKAN

- Abdul Ghafar, M.N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan Johor Bahru: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.*
- Abdul Kadir, H. (2009). *Kaunseling Di Tempat Kerja.* Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abu, B. & Aziz, M. (2011). Stres Dalam Kalangan Guru Di Dua Buah Sekolah Menengah Kebangsaan Di Kawasan Skudai. *Journal of Educational Psychology and Counselling.* 3, 59-80.
- Ahmad, H. (2003). *Faktor-faktor yang Menyebabkan Stres (Tekanan) Kerja di Kalangan Guru Sekolah Menengah: Satu Kajian di Daerah Johor Bahru Johor.* Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Ahmad Tajudeen, A.B. (2004). *Kepuasan Kerja dan Tekanan yang Dihadapi oleh Guru Sekolah.* Universiti Putera Malaysia: Tesis Sarjana.
- Ariffin, S.R., Ariffin, R. & Mohamed H. (2008). Contribution Factors in Multiple Intelligences Among Adolescence Students. *Journal of Education.* 33:3546.
- Aris, M. (2002). *Stres Kerja di Kalangan Guru Sekolah Rendah. Satu Kajian di Sekolah Rendah Kawasan Zon Tenggara, Kulai, Johor Darul Takzim.* Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana
- Aris, A.R. (2002). *Kajian Ke Atas Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Stres (Tekanan) dan Niat Untuk Meninggalkan Profesion Perguruan di Kalangan Guru Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah di Daerah Kota Tinggi, Johor.* Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana
- Arshad, Z. (2003). “*Stres Kerja di Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah: Satu Kajian di Zon Bandar, Kota Tinggi, Johor.*” Universiti Teknologi Malaysia: Tesis yang tidak diterbitkan.
- Baharom, N. (2005), *Kamus Dewan edisi keempat,* Dewan Bahasa dan Pustaka, Selangor Darul Ehsan.





- Borg, M. G., & Riding, R. J. (1993). Occupational stress and job satisfaction among school administration. *Journal of Educational Administration*, 31, 4-21.
- Boyle, J. G., Borg, M. G., Falzon, J. M., & Baglioni, A. J. (1995). A structural model of the dimensions of teacher stress. *British Journal of Education Psychology*, 65,49-67.
- Bond & Fox, (2009). *Applying the Rasch Model*. Fundamental Measurement in the human sciences, Second edition, Published Psychology Press.
- Bond & Fox, (2007). *Applying the Rasch Model*. Fundamental Measurement in the human sciences, Second edition, Published Psychology Press.
- Chei, C.L. (1996). *Tekanan Kerja di kalangan Guru-guru di sebuah Sekolah Menengah Kerajaan dan Sebuah Sekolah Menengah Swasta*. Tesis (B.Ed) yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia.
- Cox, T (2000). The Experience And Effects Of Stress In Teachers. *British Educational Research Journal*. 77(2), 139-145.
- Cohen, L, Manion, L & Morrison (2000). *Research Methods in Education* (5<sup>th</sup> ed), London:Routledge Falmer
- Cooper, C. L., & Marshall, J. (1976). Occupational sources of stress: A review of the literature relating to coronary heart disease and mental ill health. *Journal of Occupational Psychology*, 49, 11-28.
- Cooper, C. *et al* (1988). *Occupational Stress Indicator Management Guide*.
- Creswell, J.W. (2003). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed method approaches* (2<sup>nd</sup> ed). California Sage.
- Dunham, J. (1992). *Stress in Teaching*. Edisi Kedua. London: Routledge.
- Dora, M.T. & Abdul Kadir, H. (2006). *Mengurus Stres*. Selangor: PTS Profesional.
- Edelfelt, R.A. & Reiman, A. (2004). *Career In Education*. 4<sup>th</sup> ed. Chicago: VGM Career Books.
- Fontan, D. (1989), *Managing Stress*. British Psychological Society & Routledge Ltd
- Farber, B. A. (1991). *Crisis in Education: Stress and Burnout in the American Teacher*. San Francisco: Jossey Bass Publishers
- Gay, L. R. & Airasian P. (2000). *Educational Research: Competencies for Anaysis and Application* (6<sup>th</sup> Ed).Upper Saddle River: Prentice-Hall Inc.
- George, D & Mallery, P. (2009). *SPSS for windows step by step: A simple guide and reference*, 16.0 update (9<sup>th</sup> ed.) Boston: Pearson.



- Gold, Y., & Roth, R. A. (1993). *Teachers managing stress and preventing burnout: The professional health solution*. London: The Falmer Press.
- Gruneberg, M. M. (1979). *Understanding job satisfaction*. London: The McMillan Press Ltd.
- Kyriacou, C. (1987). Teacher stress and burnout. *An International Review*, 29, 145- 152.
- Greenberg, J. & Baron, R.A. (2000). *Behavior in organizations*, 7<sup>th</sup> ed. Upper Saddle River, NJ: Prentice-Hall.
- Hambleton, R.K. & Cook, L.L. (1977). Latent trait models and their use in the analysis of educational test data. *Journal of Educational Measurement*, 14, 75-96.
- Hu, L. and Bentler, P.M. (1999), "Cut off criteria for fit indexes in covariance structure analysis: conventional criteria versus new alternatives," *Structural Equation Modeling*, 6, 1-55.
- Huisman, J. (Ed). (2009) . *International perspectives on the governance of higher education*. New York and London: Routledge, Taylor & Francis Group.
- Jusoh, R. (2003). *Mengkaji Tekanan di Kalangan Guru bengkel di Sekolah-sekolah Menengah di Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Karim, F & Zubaidah Aman, Z. (1998). *Implikasi Burnout di Kalangan Guru Terhadap Sistem Pendidikan*. *Prosiding Seminar Isu-isu Pendidikan Negara*. November 26 – 27. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia, 317-333.
- Keeves, J.P & Alagumalai, S. (1999). New Approaches to Measurement". In Masters, G.N and J.P Keeves (Eds), *Advances in Measurement in Educational Research and Assessment*, Pergamon.23-48.
- Kamaruddin, K. (2007). Tekanan kerja di kalangan guru sekolah menengah. *Jurnal Kemanusiaan*, 10,104-118.
- Karim, F. & Aman, Z. (1999). Peramal *Burnout* Di Kalangan Guru, Faktor Latar Belakang, Tekanan Di Peringkat Organisasi Dan Sokongan Sosial. *Jurnal Pendidikan*. (4): 13-23.
- Konting, M. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*" Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.





- Konting, M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Krejcie, Robert, V., Morgan, & Daryle, W. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational and Psychological Measurement.
- Kyriacou, C. & Sutcliffe, J (1978a). A Model of Teacher Stress Educational Studies. *International Educational Research*. 4(1), 1-6.
- Kyriacou, C. & Sutcliffe, J (1978b). Teacher Stress: Prevalence, Source and Symptoms. *British Journal of Educational Psychology*. 48, 159-167.
- Kyriacou, C. dan Chien, Pei Yu (2004). Teacher Stress in Taiwanese Primary Schools. *Journal of Educational Enquiry*. 5 (2), 86 – 104.
- Kyriacou, C. (1987). *Teacher Stress and Burnout*. An International review. 29: 145-152.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2002). *Kempen Cara Hidup Sihat*. Laporan Tahunan Program Kesihatan Malaysia, 23–30.
- Laughin, A (1984). Teachers Stress in Australian Setting: The Role of Biographical Mediators, *Educational Studies*, 10:7-22
- Linacre, J.M. (1998). *A User's Guide To Winsteps@Ministeps: Rasch- Model Compute Programs*.
- Linacre, J.M. (2004). *A User's Guide To Winsteps@Ministeps: Rasch- Model Compute Programs*.
- Linacre, J.M. (2005). *A User's Guide To Winsteps@Ministeps: Rasch- Model Compute Programs*.
- Linacre, J.M. (2010). *A user's guide to WINSTEPS: Rasch-model computer program*. Beaverton: Oregon.
- Lim, C.P. (2001). Learner control and task-orientation in a hypermedia learning environment: A case study of two economics departments. *International Journal of Instructional Media*, 29(3), 1 - 15.
- Lazarus, R. S., & Opton, E. M. (2009). *Psychological stress and the coping process*. New York: McGraw Hill.
- Loewenthal, D (2002). „Involvement and Emotional Labour“, *Soundings*, Issue 20, 151-162.
- Manthei, R. & Solman, R., (1988). Teacher Stress and Negative Outcomes in Canterbury State School. New Zealand. *Journal of Education Studies*. 23(2), 1454-163.



- Muhammad, J. (2003). *Kelakuan organisasi*. Kuala Lumpur; Leeds Publications.
- Mc Millan, J.H & Schumacher, S. (1984). *Research In Education*. Boston: Little, Brown & Company Limited.
- Mohamed, M. N. (2004). *Pengantar psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Kosnim *et al.* (2008). Pengaruh personaliti terhadap kepuasan kerja dan stres kerja guru. *Jurnal Teknologi* ,48, 33-47.
- Mohd Kosnim, A & Tan, S.L. (2008). Pengaruh personaliti terhadap kepuasan kerja dan stres kerja guru. *Jurnal Teknologi*, 48(E), 33-47.
- McDonald, R.P. (1978), "A simple comprehensive model for the analysis of covariance structures," *British Journal of Mathematical and Statistical Psychology*, 37, 234-251.
- Merrett, F. & Wheldall, K. (1993) How do teachers learn to manage classroom behaviour? A study of teachers' opinions about their initial training with special reference to classroom behaviour management. *Educational Studies*.19, 91–102.
- Mok, S.S. (2002). *Pedagogi Untuk Kursus Diploma Pengurusan*. Edisi Kedua. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Noor Hamizah, A. B., (2012, April 24). Guru lebih Stress. *Utusan Malaysia*.
- Nuruddin, A. W. (1996). *Stres Pekerjaan di Kalangan Guru: Satu Kajian Kes*. Tesis (B.Ed), Sintok: Universiti Utara Malaysia
- Othman, T. (2007). *Hubungan burnout dengan kepuasan kerja di kalangan staf Jabatan Agama Johor*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Othman, A.J. (2000). Kajian Pertautan Ayat Dalam Penulisan Karangan, *Jurnal Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka. 6(44), 658-681.
- Punch, K.F.& Tuettmann, E (1990). Correlates of Psychological Distress among Secondary School Teachers. *British Educational Research Journal*. Vol.16. No.4.369-382.
- Pratt, D.(1978). Predicting Teacher Survival. *Journal of Educational Research*. 71, 12-18.
- Payne, M. A. & Furnham, A. (1987). Dimensions of Occupational Stress in West Indian Secondary School Teachers. *British Journal of Educational Psychology*.57: 141 – 150.



- Rahman, N. & Tengku Muda, T. M. (2006). *Stres Di Kalangan Guru: Satu Kajian Ke Atas Guru Di Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda
- Raja Ali, R.M.D. (2011). *Faktor-faktor yang Mendorong Tekanan Kerja ( stres ) di Kalangan Guru-guru Sekolah Menengah di Daerah Pasir Puteh*. Open University Malaysia: Master of Education.
- Reckase, M.D. (1979). Unifactor latent trait models applied to multifactor implications. *Journal of Educational Statistics*, 4(3), 207-230.
- Robbins & Stephen (Ed.) (2000). *Managing today*: Prentice Hall.
- Sari, Y. (2007). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Stres Di Kalangan Guru Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Di Daerah Johor Bahru*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Sipon, S. (2007, Julai 27). Pendidik Mesti Bijak Kawal Emosi. Utusan Malaysia.
- Schulze, S. (2003). Views on the Combination of Quantitative and Qualitative Research Approaches. University of South Africa, *Progressio* 25(2):8-20.
- Selye, H. (1974). *Stress without distress*. New York: Harper and Row.
- Skinner, B. F. (1971), Are theories of learning necessary? *Psychological Review*, 57, 193-216.
- Sulaiman, E.(2003). *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Universiti Teknologi Malaysia Skudai Darul Ta'zim.
- Sunbul, A.M. (2003). An analysis of relations among locus of control, burnout and job satisfaction in Turkish high school teachers. *Australian Journal of Education*, 47 (1), 58-72.
- Syed Arabi Idid. (1993). *Kaedah penyelidikan komunikasi dari sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Smither, R. (1994). Stress and teachers: Old wine in new bottle. *Urban Education*, 19:39-51.
- Schafer, C. A. (1992). *Demographic overview of teacher workload issues and stress survey*, Spring 2001. BCTF Research Support.
- Smilansky, J. (1984). External and Internal Correlates of Teachers' Satisfaction and Willingness to Report Stress. *British Journal of Educational Psychology*. 54, 84 - 92.
- Tang, T. & Yeung, A.S. (1999). Hong Kong Teachers' Sources of Stress, Burnout Satisfication



PTA UTM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

- Wan Razab, W.N. & Othman, N. Tahap Motivasi dan Punca Tekanan Guru yang Melanjutkan Pengajian. *Jurnal Kemanusiaan*, 17, 97-114.
- Woo Sew Fun. (2008). *Faktor-faktor yang mendorong tekanan kerja (stres) di kalangan guru-guru SJK(C): Satu kajian di tiga buah sekolah di Wilayah*
- Wiersma, W. (2000). *Research Methods in Education: An Introduction (7ed)*. Needham Heights: A Pearson Education Company.
- Wright, B & Stone, M.H. (1979). *Best Test Design*. Chicago: MESA Press.
- Wright, B. D. & Masters, J. (1982) . *Rating Scale Analysis*. Chicago: MESA Press .
- Yahaya, A. & Tee S.K. (2006). *Stres Kerja di Kalangan Guru Aliran Teknik di Sekolah Menengah Teknik di Negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan*. Tesis Ph.D Universiti Teknologi Malaysia.
- Yahya, A. S. (2005), *Mengurus Disiplin Pelajar*. Pahang Darul Makmur : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Yahya *et al.*(2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Yahaya, A & Nik Husain, N. D. H (2000). *Tahap Stres Dan Faktor Faktor yang Mempengaruhi Stres Di Kalangan Guru Sekolah Di Negeri Johor, Melaka, Selangor dan Negeri Sembilan*. Universiti Teknologi Malaysia:
- Yahya *et al.* (2010). Stres dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah di Empat Buah Negeri di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. 25, 103-136
- Yates, J. E. (1979). *Managing Stress*. United States AMACOM: A Division of American Management Association.



PTA AUTHM  
PERPUSTAKAAN FAKULTAS ILMU HUMANIAH